



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 10, October 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Analisis Instrumen Pengukuran Kebahagiaan Guru: Sorotan Literatur Bersistematik

Kartini Wan Mat¹, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (effendi@ukm.edu.my)

Abstrak

Penerapan kebahagiaan pelajar bermula dengan penerapan kebahagiaan guru dalam kehidupan. Kajian lepas menunjukkan tahap kebahagiaan guru dilihat berpotensi dalam mempengaruhi tahap kebahagiaan seseorang pelajarnya. Oleh itu, objektif dalam melahirkan individu yang bahagia memerlukan seorang guru yang memiliki tahap kebahagiaan yang tinggi. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis instrumen pengukuran kebahagiaan guru berdasarkan kaedah sorotan literatur sistematik (SLR). Selain itu, kajian ini turut meneliti instrumen yang sesuai untuk mengukur tahap kebahagiaan guru di Malaysia dan mengkaji konstruk dalam instrumen mengukur kebahagiaan guru. Kajian ini telah mengenal pasti sepuluh instrumen pengukur kebahagiaan sebagai fokus pasca saringan literatur. Pemilihan dijalankan dengan proses mengenal pasti instrumen seperti penetapan kata kunci, pemilihan pangkalan data dan penetapan set kriteria. Model PRISMA digunakan sebagai panduan dalam pencarian bahan literatur. Setiap sepuluh instrumen telah dikategorikan mengikut kegunaan, kekuatan, kelemahan, jumlah item dan konstruk. Kajian telah mengenal pasti lima sahaja instrumen yang berpotensi dalam mengukur kebahagiaan guru di Malaysia daripada sepuluh instrumen tersebut. Daripada lima instrumen yang di senaraikan, empat instrumen sahaja yang sesuai digunakan untuk guru di Malaysia dalam mengukur kebahagiaan guru secara menyeluruh. Kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan dibuat berkaitan pengukuran kebahagiaan dalam kalangan guru matematik. Hal ini berdasarkan batasan kajian iaitu tiada kajian kebahagiaan guru mengikut subjek yang diajari.

Kata kunci: kebahagiaan, sorotan literatur bersistematik, guru, instrumen, pengukuran

Measurement Analysis of Teacher Happiness Instrument: Systematic Literature Review

Abstract

The application of student happiness begins with the application of the teacher's happiness in life. The previous studies show that the level of teacher's happiness is seen as potential in influencing the level of student's happiness. Therefore, producing a happy individual requires a teacher who has a high level of happiness. Thus, this study was conducted to analyse the instrument that measures the happiness of teachers based on the systematic literature review (SLR) method. Besides, this study also examines the instruments that suitable to measure the level of happiness of teachers in Malaysia and also examines the constructs in instruments that specifically measure teachers' happiness. This study has identified ten happiness measuring instruments as a post-screening focus of literature. Selection is carried out by the process of identifying instruments such as keyword setting, database selection and setting criteria. The PRISMA model is used as a guide in the literature search process. Each of the ten instruments was

categorized according to their uses, strengths, weaknesses, number of items and constructs. The study has identified that out of ten instruments, only five instruments which potential in measuring the teacher's happiness in Malaysia. Out of the five instruments listed, only four instruments are suitable for teachers in Malaysia to used to measure the comprehensive teacher's happiness. This study suggests that further research be done related to the measurement of happiness among mathematics teachers. This recommendation is based on the limitations of the study, which shows that there is no study on the happiness of teachers according to the subjects they taught.

Keywords: happiness, systematic literature review, teacher, instrument, measurement

Pengenalan

Bahagia ialah sesuatu perkara yang terlalu subjektif untuk dinilai. Kebahagiaan setiap manusia bergantung kepada manusia itu sendiri untuk mendefinisikan bahagia mengikut kehendak mereka sendiri. Bahagia manusia juga tidak bergantung kepada keadaan semasa tetapi juga mengambil kira kepada pengalaman masa lampau yang dilalui dan matlamat masa hadapan manusia tersebut (Krishna 2016). Konsep kebahagiaan telah wujud pada zaman Aristotle lagi. Pada zaman itu, Aristotle menggunakan perkataan *Eudaimonia* untuk menggambarkan kebahagiaan. *Eudaimonia* berasal daripada perkataan Yunani kuno yang bermaksud 'kehidupan yang baik' atau 'perkembangan manusia' (Clifton, 2014). Aristotle juga berpendapat bahawa kehidupan ialah renungan daripada *eudaimonia* yang sempurna dan bersifat transenden iaitu di luar kemampuan manusia normal kerana *eudaimonia* berunsurkan ketuhanan yang tinggi dalam diri individu (Awaludin, 2017). Dalam kajian Agrawal, Anjuli & Tyagi (2016) menyimpulkan bahawa kebahagiaan pada definisi Aristotle ialah kebahagiaan ialah kehidupan yang bermakna serta bertujuan, matlamat yang menyeluruh dan pengakhiran kewujudan manusia.

Ideologi pemahaman Aristotle tentang kebahagiaan turut diakui oleh Seligman. Buktinya pada tahun 2002, Seligman telah membentangkan teori kebahagiaan yang hampir sama dengan ideologi Aristotle yang diberi nama sebagai *authentic happiness* (Seligman, 2004). *Theory Authentic Happiness* ataupun teori kebahagiaan autentik menekankan ideologi di mana kebahagiaan ialah memiliki kehidupan yang menyenangkan, kehidupan yang baik dan kehidupan yang bermakna. Manakala ahli ilmuwan Islam iaitu Al-Farabi pula mengatakan bahawa kebahagiaan ialah perkara yang di inginkan oleh jiwa manusia dalam kehidupan mereka, tiada yang lebih bermakna untuk di kecapi selain kebahagiaan dalam kehidupan. Al-Farabi juga berpendapat bahawa cara mengapai kebahagiaan ialah mengetahui segala kebenaran yang mungkin difahami oleh akal fikiran (Al-Farabi, 1995).

Dalam masa yang sama artikel yang ditulis oleh Ateerah dan Lukman (2019) menyatakan bahawa kebahagiaan ataupun *sa'adah* dalam sudut pandangan Islam ialah kebahagiaan bukan terbatas dengan sekadar dengan memiliki kehidupan yang baik, nikmat dan puas malahan kehidupan yang damai dan pengalaman kehidupan yang positif. *Sa'adah* perkataan yang berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud kepada kebahagiaan. Dalam Islam, berdasarkan kitab Al-Quran dan Sunnah juga memberi penekanan yang penting dan besar dalam penerapan kebahagiaan dalam pelbagai aspek. Di samping itu, konteks kebahagiaan yang sebenar untuk seseorang individu ialah memiliki jiwa yang tenang, hati yang puas dan diri yang tenang (Ateerah & Lukman, 2019). Tambahan, pandangan tentang kebahagiaan yang telah ditekankan oleh Al-Farabi hampir selari dengan pandangan Mahatma Gandhi yang berpendapat bahawa kebahagiaan ialah apabila perkara yang difikirkan oleh seseorang selari dengan perkara yang dikatakan dan perkara yang dilakukan olehnya (Agrawal, Anjuli & Tyagi, 2016). Daripada pandangan dan pendapat yang dinyatakan oleh Al-Farabi dan Mahatma Gandhi, dapat disimpulkan bahawa seseorang individu akan berasa bahagia jika mereka dapat melakukan atau membuat perkara yang disukai dan atas kerelaan mereka sendiri.

Selain itu, kajian-kajian lepas seperti kajian Urrutia et al. (2019) mentakrifkan kebahagiaan ialah keadaan kesejahteraan mental dan emosi yang melibatkan emosi yang positif dan menyenangkan serta memuaskan. Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Uchida dan Oishi (2016) telah mendefinisikan

kebahagiaan yang hampir sama dengan kajian Urrutia et al. (2019) di mana kajian Uchida dan Oishi (2016) mendefinisikan kebahagiaan ialah keadaan atau perasaan puas seseorang individu terhadap kehidupan mereka.

Jadi daripada konsep dan ideologi kebahagiaan ini dapat disimpulkan bahawa kebahagiaan ialah sesuatu perkara yang boleh membuatkan individu berasa puas, tenang dan membangkitkan aura positif dalam diri individu sepanjang mereka menjalani kehidupan mereka. Dengan perasaan puas dan tenang ini akan mendorong kepada wujudnya kehidupan yang bermakna, bertujuan dan bermatlamat. Ini juga akan mewujudkan kedamaian dan keamanan dalam kehidupan seseorang individu.

Kebahagiaan Terhadap Pendidikan dan Guru

Pendidikan ialah sebuah platform utama untuk mengajar dan menyebarkan ilmu pengetahuan manakala sekolah, madrasah, gereja dan sebagainya ialah sebuah tempat tumpuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, bagi menerapkan elemen-elemen kebahagiaan dalam diri setiap individu, bidang pendidikan sangat sesuai untuk dijadikan platform utama dalam mendidik seseorang. Setiap tingkah laku, tutur kata dan pemikiran seseorang bermula dengan pembelajaran. Sejak bayi lagi setiap individu memerlukan 'guru' untuk mereka belajar cara makan, berdiri, berjalan, bercakap dan cara berkomunikasi dengan betul (Michalos, 2017). Hal ini sama juga dengan konteks kebahagiaan yang memerlukan proses pembelajaran elemen bahagia dari sejak kecil lagi.

Lanjutan daripada itu, guru memainkan peranan penting dalam pembelajaran unsur kebahagiaan. Selain dalam merangsang intelektual pelajar, guru bertanggungjawab dalam mendidik pelajar dengan aktiviti-aktiviti fizikal seperti kegiatan sukan, persatuan dan kelab. Hal kerana aktiviti-aktiviti fizikal ini merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran pelajar dalam mengawal emosi mereka dan pelajar juga dapat belajar cara berinteraksi dengan orang sekeliling mereka (Chaturvedi & Singh, 2016). Oleh sebab guru adalah orang yang penting dalam menerapkan unsur kebahagiaan kepada pelajar, guru terlebih dahulu memerlukan kelebihan dalam memiliki unsur kebahagiaan ini. Kajian Erozkhan et al. (2016) berpendapat bahawa individu yang memiliki tahap kebahagiaan yang lebih tinggi akan cenderung untuk mempunyai pemikiran yang lebih positif, memiliki kemahiran yang tinggi dalam mengawal tingkah laku dan keperibadian mereka serta menganggap pengalaman masa lampau ialah proses yang memantapkan diri mereka dan mereka juga akan lebih rasional dalam menghadapi situasi yang negatif dan positif.

Pandangan Erozkhan et al. (2016) ini jelas menunjukkan bahawa guru yang memiliki tahap kebahagiaan yang tinggi mampu memberi aura yang positif kepada pelajar mereka kerana guru yang bahagia mampu menangani dan mengawal pelajar-pelajar mereka. Sepanjang proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berlangsung di bilik darjah, guru merupakan orang yang berkuasa penuh dalam mengawal suasana dan persekitaran bilik darjah. Dengan semua isu yang dibangkitkan, tahap kebahagiaan guru antara perkara utama yang perlu ditekankan untuk mencapai objektif dalam melahirkan individu yang bahagia. Secara amnya, pengukuran dibuat untuk mengetahui dan membuktikan setiap perkara yang diukur secara tepat (Piaw, 2014). Jadi pengukuran kebahagiaan juga perlulah dilaksanakan untuk mengetahui tahap kebahagiaan guru terutamanya di Malaysia.

Menurut kajian yang dijalankan di luar negara, terdapat beberapa pengukuran kebahagiaan yang digunakan seperti *The Authentic Happiness Inventory*, *Oxford Happiness Questionnaire*, *Subjective Happiness Scale* dan banyak lagi. Kebanyakan pengukuran ini adalah bertujuan untuk mengukur kebahagiaan individu sama ada mengukur kebahagiaan individu di tempat kerja sahaja ataupun mengukur kebahagiaan individu merangkumi keseluruhan kehidupan mereka.

Manakala kajian yang dijalankan di Malaysia, kebanyakan pengkaji menggunakan instrumen seperti *iOpener People Performance Questionnaire* (iPPQ) dan *Organizational Happiness Index* (OHI) dalam mengukur tahap kebahagiaan (Abdullah, Ling, & Ping, 2016; Abdullah, Ling, Ping, et al., 2016; Abdullah & Ling, 2016b, 2016a; Omar et al., 2016, 2018). Bagi mengukur tahap kebahagiaan guru hanya instrumen iPPQ yang digunakan sementara instrumen OHI pula tidak pernah digunakan untuk

mengukur kebahagiaan guru. Namun instrumen iPPQ pula hanya mampu mengukur kebahagiaan guru di tempat kerja sahaja tetapi tidak boleh mengukur kebahagiaan guru merangkumi keseluruhan kehidupan mereka.

Selain itu, terdapat perbezaan yang ketara dalam setiap konstruk yang digunakan dalam iPPQ dan OHI. Konstruk instrumen iPPQ lebih menumpukan kepada nilai diri dan persekitaran guru seperti sumbangan guru, kepercayaan guru, keyakinan guru, penglibatan guru dan iklim sekolah. Tetapi konstruk OHI lebih menumpukan kepada kehidupan guru di tempat kerja seperti kepuasan keseimbangan kerja dengan kehidupan, kepuasan kerja dan kesejahteraan pekerjaan.

Justeru, kajian sorotan literatur bersistematik ini dijalankan untuk mengenal pasti lebih lanjut instrumen-instrumen yang sesuai untuk mengukur kebahagiaan guru di Malaysia. Malah kajian ini turut melakukan saringan terhadap instrumen-instrumen kebahagiaan yang menjadi pilihan para pengkaji kebahagiaan.

Tujuan Dan Objektif Kajian

Kajian sorotan literatur bersistematik ini bertujuan untuk mengenal pasti instrumen yang mengukur tahap kebahagiaan guru. Objektif kajian ini pula adalah seperti berikut:


- i. Mengetahui instrumen yang mengukur kebahagiaan.
- ii. Mengetahui instrumen yang sesuai untuk mengukur tahap kebahagiaan dalam kalangan guru bagi konteks Malaysia.
- iii. Mengetahui pasti konstruk dalam instrumen pengukuran kebahagiaan guru

Metodologi

Prosedur Pencarian Literatur

Strategi pencarian literatur bermula dengan bimbingan objektif kajian. Oleh sebab kajian ini memfokuskan kepada instrumen kebahagiaan, maka kata kunci yang ditentukan berdasarkan tajuk kajian. Kata kunci ini juga di pelbagaikan dengan menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris memperluaskan pencarian literatur. Pangkalan data utama yang digunakan dalam pencarian literatur ini ialah *Scopus*, *ERIC*, *Springer*, *Research Gate*, *Dimensions* dan *Academia.edu* manakala pangkalan data sokongan pula ialah *Google Scholar*. Penggunaan pangkalan data ini akan memudahkan pencarian literatur kerana pangkalan data merupakan suatu tempat pengumpulan data-data literatur bersistematik dan menyeluruh. Rajah 1 menjelaskan dengan lebih lanjut pangkalan data yang digunakan dalam kajian ini.

Rajah 1: Pangkalan Data Pencarian Literatur



Rajah 1 menunjukkan pangkalan data *Scopus* (43%) penyumbang yang terbesar dalam pencarian bahan literatur. Selain itu pangkalan data sokongan iaitu *Google Scholar* (25%) antara penyumbang kedua yang tertinggi selepas *Scopus*. Dalam masa yang sama pangkalan data seperti ERIC (14%), *Academia.edu* (7%), *Springer* (4%), *Dimensions* (4%) dan *Research Gate* (3%) turut memainkan peranan masing-masing dalam menjadi penyumbang kepada pencarian literatur kajian ini.

Kriteria Instrumen

Kajian tinjauan sama ada kajian tinjauan kritikan ataupun kajian tinjauan kritikal yang melibatkan perbandingan sekumpulan literatur memerlukan penetapan set kriteria mantap (Xiao & Watson, 2019) dan bersesuaian. Justeru, kajian ini juga menetapkan kriteria yang tertentu bagi memudahkan pencarian literatur. Kriteria penerimaan dan penolakan ditentukan untuk memfokuskan lagi pencarian literatur. Antara kriteria penerimaan yang telah ditetapkan ialah tempoh pencarian literatur telah dihadkan pada Januari 2016 sehinggalah Mei 2020. Garis masa ini ditetapkan untuk membantu mendapatkan literatur kajian baru dan terkini serta garis masa lima tahun sangat sesuai untuk mengelakkan daripada berlakunya kesangsian terhadap dapatan kajian literatur.

Selain itu, literatur kajian ini juga mestilah terdiri daripada artikel jurnal, prosiding dan tesis. Oleh sebab kajian ini lebih menumpukan kepada instrumen yang digunakan, jadi kepelbagaian jenis dokumen literatur diperlukan untuk memudahkan dalam mendapatkan kepelbagaian bahan literatur. Kriteria penerimaan yang terakhir ialah bahasa penghantar. Dalam kajian ini, bahasa penghantar untuk artikel-artikel literatur ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dengan penggunaan kedua-dua bahasa ini sebagai bahasa penghantar akan dapat mengelakkan daripada berlakunya ketidakfahaman. Tambahan pula, Bahasa Inggeris juga merupakan lingua franca (Sifakis, 2017) yang mana lingua franca ialah bahasa pengantaraan antara individu walaupun berbeza bangsa.


Manakala kriteria penolakan pula ialah selain daripada kriteria yang diterima. Jadual 1 di bawah menerangkan secara ringkas kriteria penerimaan dan penolakan. Penentuan kriteria penolakan ini sangat terhad supaya skop pencarian literatur mengenai instrumen kebahagiaan lebih besar dan hal ini akan memudahkan pengkaji untuk mencari persamaan atau perbezaan antara setiap instrumen kebahagiaan yang digunakan.

Jadual 1: Penetapan Kriteria Saringan Instrumen

Kriteria Umum	Kriteria Penerimaan	Kriteria Penolakan
Tahun penerbitan	Jan 2016 - Mei 2020	Selain daripada Jan 2016 - Mei 2020
Jenis Dokumen	Artikel Jurnal, Prosiding dan Tesis	Buku
Bahasa	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Lain-lain bahasa yang selain daripada bahasa yang diterima

Di samping proses menetapkan set kriteria, model PRISMA juga digunakan untuk menjadi garis panduan dalam pencarian literatur (Powers, 2017). Dalam Rajah 2 ialah model PRISMA yang digunakan dalam mengenal pasti instrumen kebahagiaan. Proses mengenal pasti instrumen ini dijalankan dengan mencari instrumen yang boleh digunakan untuk mengukur kebahagiaan. Sebanyak 14 buah instrumen telah dikenal pasti sebagai instrumen yang berpotensi untuk mengukur kebahagiaan. Selepas melalui beberapa proses saringan, daripada 14 buah instrumen hanya 10 buah instrumen sahaja yang terpilih menjadi sampel kajian ini.

Rajah 2: Carta Alir Model PRISMA (Moher et al., 2009)



Ekstrak dan Sintesis Data

Pengekstrakan data dijalankan untuk memudahkan dan merumuskan perbandingan bahan literatur yang memenuhi kriteria yang ditetapkan (Bevan et al., 2020). Data-data instrumen kajian ini telah di saring mengikut kategori yang telah disusun melalui proses pengekstrakan data. Antara kategori yang ditetapkan dalam kajian ini seperti kegunaan instrumen, kekuatan instrumen, kelemahan instrumen, konstruk instrumen dan banyak lain. Kategori-kategori ini juga di sintesis untuk memberi gambaran yang lebih jelas dalam menghasilkan perbandingan yang bermakna (Bevan et al., 2020). Jadi, hasil daripada proses pengekstrakan dan sintesis data ini akan di perjelaskan lebih lanjut dalam bahagian dapatan kajian.

Dapatan Kajian

Instrumen Saringan

Hasil daripada analisis yang dijalankan, terdapat sepuluh instrumen yang berjaya dikenal pasti sebagai pengukur kebahagiaan. Antara sepuluh instrumen yang dikenal pasti ialah *Aréchiga-Moldovan Happy Scale (AM Happy Scale)*, *Approaches to Happiness*, *The Authentic Happiness Inventory*, *Gross Happiness Index*, *Gross National Happiness Index (GNH Index)*, *Bhutan's Gross National Happiness Index*, *iopener People Performance Questionnaire (iPPQ)*, *Organizational Happiness Index (OHI)*, *Oxford Happiness Questionnaire* dan *Subjective Happiness Scale*. Jadual 2 menunjukkan secara jelas sepuluh instrumen yang dikenal pasti.

Jadual 2 juga menunjukkan antara kegunaan, kekuatan, kelemahan, jumlah item dan konstruk untuk setiap instrumen. Daripada analisis yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa

instrumen dalam kajian ini merupakan versi baru untuk instrumen yang sebelumnya. Antaranya ialah instrumen *Approaches to Happiness* yang dibangunkan oleh Christopher Peterson (2005) yang merupakan versi baru daripada instrumen *The Authentic Happiness Inventory* yang dibangunkan oleh Seligman (2002) (Urrutia et al., 2019). Selain itu, *Gross Happiness Index* dan *GNH Index* pula merupakan instrumen versi baru daripada instrumen *Bhutan's Gross National Happiness Index* yang dibangunkan oleh *His Majesty the Fourth King of Bhutan, Jigme Singye Wangchuck* (2016) (Pratt 2016; Klamár & Gaval'ová 2018). Instrumen *Oxford Happiness Questionnaire* juga ialah instrumen versi baru daripada instrumen *Oxford Happiness Inventory* yang dibangunkan oleh Argyle, Martin, & Crossland (1989) (Hills & Argyle, 2002). Oleh disebabkan hal ini, kebanyakan instrumen dalam kajian ini saling berkait rapat antara satu sama lain.

Terdapat beberapa instrumen dalam kajian ini yang digunakan untuk mengukur kebahagiaan di tempat kerja seperti instrumen iPPQ dan OHI antara instrumen yang dibangunkan untuk mengukur kebahagiaan di tempat kerja. Jadi instrumen ini tidak sesuai untuk mengukur kebahagiaan kehidupan individu secara holistik. Terdapat juga beberapa instrumen yang dibangunkan khusus untuk mengukur kebahagiaan kehidupan rakyat di negara tertentu. Contohnya instrumen *Bhutan's Gross National Happiness Index* yang khusus untuk rakyat negara Bhutan, *GNH Index* yang khusus untuk rakyat Slovakia dan *Gross Happiness Index* untuk khusus rakyat Melanesia dan Polynesia. Hal ini kerana instrumen berkenaan dibangunkan khusus mengikut suasana, persekitaran dan gaya hidup rakyat negara berkenaan. Hal ini juga menyebabkan berlakunya pembangunan versi baru instrumen untuk menyesuaikan kandungan instrumen mengikut negara masing-masing. Namun masih lagi terdapat instrumen seperti *The Authentic Happiness Inventory*, *Oxford Happiness Questionnaire* dan *Subjective Happiness Scale* yang boleh diguna pakai tanpa diubah mengikut negara yang ingin dikaji seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.

Di samping itu, kajian ini juga membuat perbandingan instrumen berdasarkan kekuatan dan kelemahan instrumen. Daripada analisis perbandingan yang dijalankan mendapati bahawa instrumen *Oxford Happiness Questionnaire* antara instrumen yang paling kukuh kekuatannya dan kelemahannya juga tidak menjadi isu yang besar dalam pengukuran kebahagiaan. Instrumen *Oxford Happiness Questionnaire* mempunyai kelemahannya iaitu skop pengukuran instrumen yang terlalu luas di mana kandungan instrumen lebih mengukur kepada pengalaman individu berbanding tahap kebahagiaan individu (Kashdan, 2004) tetapi berdasarkan Jadual 3 menunjukkan kebanyakan pengkaji lebih memilih menggunakan instrumen *Oxford Happiness Questionnaire* daripada instrumen yang lain untuk mengukur kebahagiaan.

Tambahan pula instrumen *Oxford Happiness Questionnaire* ini sangat sesuai untuk mengukur kebahagiaan kehidupan secara menyeluruh dan instrumen ini mempunyai keunikannya iaitu setiap responden yang menjawab soal selidik instrumen ini akan mendapat skor kebahagiaan kehidupan mereka (Hills & Argyle, 2002). Hal ini menunjukkan instrumen ini sangat mesra pengguna. Seperkara lagi, instrumen *Oxford Happiness Questionnaire* ini juga merupakan instrumen yang menggunakan empat pernyataan yang menyerupai dengan pilihan tindak balas dengan *Beck Depression Inventory* (Medvedev et al., 2016). Walau bagaimanapun, lain-lain instrumen masih lagi sesuai dan mempunyai keunikannya yang tersendiri mengikut keperluan kajian yang ingin dilaksanakan.

Instrumen Mengukur Kebahagiaan Guru

Analisis perbandingan dalam Jadual 2 dan 3 juga menunjukkan daripada sepuluh instrumen yang terlibat, terdapat lima instrumen yang boleh digunakan dalam mengukur kebahagiaan guru seperti *Approaches to Happiness*, *The Authentic Happiness Inventory*, iPPQ, *Oxford Happiness Questionnaire* dan *Subjective Happiness Scale*. Hal ini kerana kelima-lima instrumen ini pernah digunakan dalam kajian yang menggunakan guru sebagai sampel kajian.

Lanjutan daripada itu, analisis perbandingan juga mendapati bahawa daripada lima instrumen yang terlibat terdapat satu instrumen iaitu instrumen iPPQ tidak sesuai digunakan dalam mengukur kebahagiaan guru. Hal ini kerana instrumen ini hanya mengukur kebahagiaan di tempat kerja (Jones, 2010) sahaja bukannya mengukur kebahagiaan secara menyeluruh. Oleh kerana itu, hanya terdapat

empat instrumen yang sesuai untuk mengukur kebahagiaan guru iaitu *Approaches to Happiness*, *The Authentic Happiness Inventory*, *Oxford Happiness Questionnaire* dan *Subjective Happiness Scale*.

Konstruk Instrumen

Setiap sepuluh buah instrumen dalam kajian ini mempunyai kepelbagaian jumlah dan bilangan konstruk. Antaranya ialah instrumen *AM Happy Scale* dan *Subjective Happiness Scale* merupakan instrumen yang tidak mempunyai konstruk. Jumlah item untuk instrumen *AM Happy Scale* sebanyak satu item manakala instrumen *Subjective Happiness Scale* mempunyai empat item. Jumlah item yang agak sedikit ini menyumbang kepada ketiadaan konstruk untuk instrumen berkenaan. Instrumen *Oxford Happiness Questionnaire* juga tidak mempunyai konstruk dalam instrumen namun setiap item instrumen telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu item positif sebanyak 18 item dan item negatif sebanyak 11 item. Hal ini menunjukkan bahawa ketiadaan konstruk ini bergantung kepada pengkaji yang membina instrumen terlibat.

Manakala instrumen seperti *Approaches to Happiness* dan *The Authentic Happiness Inventory* yang menyokong kepada teori kebahagiaan autentik mempunyai tiga konstruk utama. Ketiga-tiga konstruk ini merupakan elemen asas dalam teori kebahagiaan autentik iaitu kehidupan yang menyenangkan, kehidupan yang baik dan kehidupan yang bermakna. Tetapi yang membezakan instrumen *Approaches to Happiness* dan *The Authentic Happiness Inventory* ialah jumlah item untuk setiap instrumen.

Selain itu terdapat instrumen lain yang mempunyai 3 konstruk iaitu instrumen OHI. Instrumen ini menggunakan teori kebahagiaan autentik dalam pembinaan instrumen (Omar et al., 2016). Perbezaan instrumen ini dengan instrumen *Approaches to Happiness* dan *The Authentic Happiness Inventory* ialah elemen konstruk yang berbeza sudut pengukurannya. Instrumen OHI ini menggunakan elemen konstruk seperti kepuasan keseimbangan kerja dengan kehidupan, kepuasan kerja dan kesejahteraan pekerja. Instrumen ini juga memfokuskan pengukuran kebahagiaan di tempat kerja. Instrumen iPPQ pula memandangkan kebahagiaan daripada sesi tempat kerja. Instrumen iPPQ ini mempunyai 5 konstruk iaitu sumbangan guru, kepercayaan guru, iklim sekolah, penglibatan guru dan keyakinan guru. Konstruk yang digunakan ini juga agak berbeza dengan konstruk instrumen-instrumen lain.

Seterusnya terdapat tiga instrumen yang mempunyai konstruk yang sama. Instrumennya ialah instrumen *Gross Happiness Index*, *GNH Index* dan *Bhutan's Gross National Happiness Index* yang mempunyai 9 konstruk dalam instrumen. Selain daripada mempunyai jumlah konstruk instrumen yang paling banyak, instrumen-instrumen ini juga merupakan antara instrumen yang mempunyai jumlah item yang banyak. Instrumen *Gross Happiness Index* dan *Bhutan's Gross National Happiness Index* mempunyai jumlah item sebanyak 135 item manakala *GNH Index* mempunyai 52 item. Walaupun instrumen *Gross Happiness Index* dan *Bhutan's Gross National Happiness Index* memiliki jumlah item dan konstruk yang sama tetapi terdapat perbezaan dalam subkonstruk instrumen berkenaan. Ketiga-tiga instrumen ini mempunyai perbezaannya yang tersendiri kerana keperluan item disemak mengikut penyesuaian rakyat di negara yang berkaitan.

Mengikut persamaan dan perbezaan yang wujud dalam setiap instrumen dapat disimpulkan bahawa antara konstruk yang paling banyak yang digunakan ialah psikologi. Psikologi dalam konteks kajian ini merujuk kepada perasaan bahagia, keyakinan, kepuasan dan tanggapan individu. Setiap sepuluh instrumen kajian mempunyai elemen psikologi dalam item soal selidik. Oleh sebab kebahagiaan juga berkaitan rapat dengan psikologi jadi kebanyakan soal selidik kebahagiaan akan melibatkan soalan-soalan psikologi. Justeru konstruk psikologi antara konstruk yang sesuai dan paling banyak digunakan dalam instrumen kebahagiaan.

Jadual 2: Senarai Instrumen Berdasarkan Kegunaan, Kekuatan, Kelemahan dan Konstruk

Nama Instrumen	Pengasas	Kegunaan	Kekuatan	Kelemahan	Jumlah Item	Konstruk Instrumen
Aréchiga-Moldovan Happy Scale (AM Happy Scale)	Hadley Cantril (1965)	Skala pengukuran yang mengukur tahap kebahagiaan individu dewasa di Amerika Syarikat	Pengukuran yang ringkas, tidak mengambil masa lama dan responden tidak berasa bosan, letih dan kecewa dengan bilangan item soalan yang banyak. Skala ini juga lebih mesra pengguna.	Skala pengukuran ialah skala pengukuran item tunggal ataupun <i>single-item rating scales</i> . Terdapat kesangsian dalam skala pengukuran item tunggal dalam mengukur kebahagiaan secara berkesan. Tidak banyak artikel kajian lain yang menggunakan instrumen ini.	Jumlah item: 1 (Tahap Kebahagiaan Semasa)	Tiada konstruk dalam instrumen.
